

14 DEC 1997

SIDANG: PARA PEMIMPIN AKAN KAJI SEMULA KEADAAN DI KEMBOJA, KATA SIAZON

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Setiausaha Luar Filipina Domingo Siazon hari ini berkata persidangan para pemimpin Asean di sini akan mengkaji semula keadaan di Kemboja dan melihat kemajuan yang dicapai Asean dalam mengembalikan kestabilan politik di negara itu.

Semasa bercakap sebelum bermulanya Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean, Siazon berkata beberapa negara anggota Asean mahu melihat pilihan raya dijalankan di Kemboja sebelum membuat sebarang keputusan mengenai kemasukannya ke dalam Asean.

"Tumpuan di sini ialah bagaimana untuk mencapai kemajuan dalam mengembalikan kestabilan politik dan melangkah ke arah mengadakan pilihan raya pada 1998," katanya.

Menteri-menteri Luar Filipina, Indonesia dan Thailand ditugaskan mencari satu peranan Asean dalam mengembalikan keamanan di Kemboja berikutan rampasan kuasa di Phnom Penh Julai lepas yang menyaksikan penyingkiran Perdana Menteri pertama Putera Norodom Ranariddh oleh Perdana Menteri Kedua Hun Sen.

Siazon juga berkata Asean akan cuba menggalakkan lebih banyak anggota Parlimen pembangkang Kemboja untuk menyertai dewan rakyat.

Beliau berkata: "Saya boleh mengatakan bahawa keadaan nampaknya baik. Saya berpendapat sekumpulan 27 anggota parlimen pembangkang yang kembali ke Kemboja merasakan mereka boleh mengambil bahagian dalam proses politik."

Sidang kemuncak itu bermula malam ini dengan jamuan yang diraikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

MAM RON